

24 FEB 1998

Mahathir-Iraq

MALAYSIA LEGA DENGAN PERSETUJUAN PBB-IRAQ

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Malaysia menyambut baik persetujuan yang dicapai antara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Iraq dalam menyelesaikan pertelingkahan mengenai pemeriksaan senjata kimia di Iraq.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau berharap pihak-pihak tertentu akan menerima persetujuan antara Setiausaha Agung PBB Kofi Annan dan Timbalan Perdana Menteri Iraq Tareq Aziz di Baghdad semalam.

Sebelum perjanjian itu dimeterai, Amerika Syarikat dilaporkan bersedia untuk mengetuai tindakan ketenteraan bagi menyerang apa yang didakwaanya tempat-tempat simpanan senjata kimia di Iraq, berikutan keengganan negara itu membenarkan pasukan penyiasat PBB memeriksa beberapa kawasan.

"Kita merasa lega kerana persetujuan telah dicapai," kata Dr Mahathir selepas melawat Taman Teknologi Malaysia di sini.

Perjanjian antara PBB dan Iraq semalam adalah bagi menghapuskan halangan untuk melaksanakan resolusi Majlis Keselamatan PBB mengenai perlucutan senjata Iraq.

Ketika ditanya sama ada dengan persetujuan itu pihak-pihak tertentu tidak harus menyerang Iraq, Dr Mahathir berkata beliau berpendapat mereka tidak sepatutnya mengugut untuk menyerang Iraq.

"Tapi saya berpendapat ugutan akan diteruskan. Itu pendapat saya, (mungkin) tak betul," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada sekatan ekonomi PBB terhadap Iraq perlu ditarik balik berikutan perkembangan terbaru di Iraq, Perdana Menteri berharap sekatan itu dapat ditarik balik.

"Tapi saya rasa nanti akan ada alasan-alasan lain supaya tidak dihentikan sekatan ekonomi," kata beliau.-- BERNAMA

ES MT MAI